

Pengampunan Agong pilihan terakhir Anwar bebas
The Malaysian Insider
Feb 10, 2015

Laluan perundangan untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim merayu berhubung hukuman penjara lima tahun terhadap kes meliwat bekas pembantu peribadinya sampai ke penghujung dengan pilihan terakhir ialah memohon pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong, kata pakar undang-undang.

Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia Prof Ahmad Marthada Mohamed berkata ini kerana Mahkamah Persekutuan merupakan badan perundangan tertinggi di negara ini dan apa jua keputusan yang dijatuhkannya tidak dapat dirayu.

Beliau berkata Anwar hanya boleh dilepaskan daripada hukuman penjara jika mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong.

"Perkara ini tertakluk di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut pengampunan boleh diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong," katanya kepada Bernama.

Mahkamah Persekutuan hari ini menolak rayuan Anwar mengenyepikan sabitan dan hukuman penjara lima tahun yang diputuskan Mahkamah Rayuan pada 7 Mac tahun lepas terhadap pertuduhan meliwat Mohd Saiful Bukhari Azlan, yang ketika itu berumur 23 tahun, di Unit 11-5-1 Kondominium Desa Damansara di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara, antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria, yang mengetuai panel lima hakim, menyampaikan penghakiman itu dan mengekalkan hukuman penjara lima tahun yang dikenakan oleh Mahkamah Rayuan.

Ahmad Marthada berkata Lembaga Pengampunan dianggotai oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Peguam Negara dan tiga ahli yang dilantik, dan dipengerusikan sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pengampunan untuk pembebasan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk seseorang pesalah biasanya dibuat pada hari keputeraan Seri Paduka selepas pihak kerajaan mencadangkan kepada baginda berbuat demikian.

Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan itu, Pensyarah Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia, Dr Azmi Hassan berkata ia satu manifestasi bahawa semua rakyat adalah sama rata di bawah undang-undang.

"Ia adalah adil tidak kira kepada rakyat biasa atau yang mempunyai kedudukan," katanya.

Katanya, proses penghakiman juga mengesahkan bahawa mahkamah membuat

keputusan atas dasar fakta yang dihujah dan bukannya kerana pengaruh luar misalnya seperti politik tempatan.

Penganalisis politik, Dr Baharuddin Aziz berkata keputusan tersebut merupakan satu keadilan kepada mangsa iaitu Saiful yang selama ini berdepan tekanan hebat daripada masyarakat dan tohmahan pembangkang ke atas beliau.

"Ini soal maruah diri, tiada insan yang mahu mendedahkan keburukan yang terjadi kepada dirinya terutama yang berkaitan dengan kehormatan dirinya.

"Tambahan pula dia merupakan rakyat biasa yang tidak punya sebarang pengaruh dan terpaksa berjuang selama tujuh tahun untuk membuktikan dirinya di pihak yang benar," kata bekas pensyarah kanan Jabatan Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa itu. – Bernama, 10 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengampunan-agong-pilihan-terakhir-anwar-bebas>